

# Seri Paduka tak ambil gaji sejak COVID-19

BH - 15/12/2022

Putrajaya: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, terlebih dahulu tidak mengambil gaji, iaitu sejak COVID-19 melanda negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata ini kerana Seri Paduka cakna dengan keadaan ekonomi yang menekan kehidupan rakyat.

“Saya nak maklumkan bahawa Tuanku Agong menolak gaji sejak COVID-19, lebih awal daripada saya. Baginda tidak menerima sebarang gaji oleh kerajaan sejak COVID-19.

“Saya ingat, eloklah kita beri penjelasan ini,” katanya pada sidang media selepas mempengekus mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Anwar sebelum ini menetapkan pendirian untuk tidak menerima gaji bagi jawatan Perdana Menteri sebagai langkah memulihkan keyakinan rakyat terutama terhadap Kerajaan Perpaduan pimpinannya.

Anwar dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-10 pada 24 November lalu.

Jemaah Menteri turut bersetuju untuk melaksanakan pemotongan gaji sebanyak 20 peratus setiap bulan atas semangat keprihatinan terhadap permasalahan yang dihadapi rakyat ketika ini.

BERNAMA